



MALAYSIA

P.U. (A) 315/2008

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2008**.

(2) Kecuali peraturan 4, 5 dan 8, Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 September 2008.

(3) Peraturan 4, 5 dan 8 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [*P.U. (A) 324/2004*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2–

- (a) dengan memasukkan selepas takrif “institusi pendidikan tinggi” takrif yang berikut:

‘ “karton” ertinya suatu kotak berbentuk segi empat tepat yang mengandungi dua atau lebih paket rokok;’;

- (b) dengan memasukkan selepas takrif “pengilang” takrif yang berikut:

‘ “pengimport” ertinya mana-mana orang yang, sama ada sebagai pemunya, pemberi konsain, penerima konsain, ejen atau broker, ada memiliki, atau sebaliknya adalah berhak menjaga atau mengawal, hasil tembakau yang diimport itu;’; dan

- (c) dengan memasukkan selepas perkataan “teater” takrif yang berikut:

‘ “tempat latihan khidmat negara” ertinya mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Latihan Khidmat Negara melalui pemberitahuan dalam *Warta* di bawah subseksyen 17(1) Akta Latihan Khidmat Negara 2003 [*Akta 628*];’.

Pindaan peraturan 11

3. Subperaturan 11(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda–

- (a) dalam perenggan (*n*), dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana” perkataan “kawasan di dalam”;
- (b) dalam perenggan (*r*), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (c) dalam perenggan (*s*), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; atau”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas perenggan (*s*) perenggan yang berikut:
 - “(t) di mana-mana kawasan di dalam suatu tempat latihan khidmat negara.”.

Pindaan peraturan 15

- 4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 15 dengan peraturan yang berikut:

“Amaran kesihatan pada bungkusan rokok

- 15. (1) Maka hendaklah dicetak secara jelas dan mudah kelihatan dalam kedudukan yang ketara suatu amaran kesihatan—

- (a) pada tiap-tiap unit paket rokok yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan semasa apa-apa perdagangan atau perniagaan—
 - (i) dengan mana-mana set teks dan imej sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kelima;

- (ii) dengan empat puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian atas pada panel hadapan; dan
 - (iii) dengan enam puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian atas pada panel belakang; dan
- (b) pada setiap unit karton rokok yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan semasa apa-apa perdagangan atau perniagaan—
 - (i) dengan mana-mana set teks dan imej sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keenam;
 - (ii) dengan empat puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian sisi pada panel atas; dan
 - (iii) dengan enam puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian sisi pada panel bawah.

(2) Bagi maksud subperaturan (1)–

- (a) resolusi bagi semua imej pada bungkusan rokok hendaklah tidak kurang daripada 300 dpi (“dpi” atau “titik per inci” ertinya darjah resolusi imej cetakan yang dihasilkan mengikut bilangan titik yang dicetak bagi setiap inci garis lurus); dan
- (b) semua teks dan imej hendaklah dicetak menggunakan tidak kurang daripada cetakan 4 warna.

(3) Setiap amaran kesihatan yang ditetapkan dalam Jadual Kelima dan Keenam hendaklah dicetak secara bergilir pada bungkusan setiap jenama dan jenis rokok supaya setiap amaran kesihatan hendaklah muncul setakat mana yang mungkin dalam bilangan yang sama pada bungkusan setiap jenama dan jenis rokok.

(4) Tiap-tiap pengilang dan pengimport rokok hendaklah mengisytiharkan kepada Pengarah, suatu laporan berkenaan dengan kekerapan kemunculan setiap amaran kesihatan pada bungkusan setiap jenama dan jenis rokok yang dikilang atau diimport pada tiap-tiap enam bulan berselang bermula dari tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(5) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Peraturan baru 15A, 15B dan 15C

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 15 peraturan yang berikut:

“Maklumat kesihatan, larangan jualan dan butiran lain pada bungkusan rokok

15A. (1) Sebagai tambahan kepada amaran kesihatan yang disebut dalam subperaturan 15(1), maka hendaklah dicetak secara jelas dan mudah kelihatan dalam kedudukan yang ketara pada tiap-tiap paket dan karton rokok maklumat kesihatan, larangan jualan dan butiran lain pada panelnya seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh dan Kelapan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), suatu alamat telegraf atau suatu alamat di pejabat pos tidak boleh digunakan sebagai suatu alamat pengilang atau pengimport.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Jenis, saiz dan warna huruf

15B. (1) Tertakluk pada subperaturan (3), set teks yang disebut dalam subperaturan 15(1) hendaklah dicetak dalam tulisan huruf Arial bersaiz 10 poin untuk setiap unit paket dan bersaiz 26 poin untuk setiap unit karton.

(2) Maklumat kesihatan, larangan jualan dan butiran lain yang disebut dalam subperaturan 15A(1) hendaklah dicetak dalam tulisan huruf Arial bersaiz tidak kurang daripada 8 poin untuk setiap unit paket dan bersaiz tidak kurang daripada 26 poin untuk setiap unit karton.

(3) Perkataan “AMARAN” dan “WARNING” dalam set teks yang disebut oleh subperaturan 15(1) hendaklah dicetak—

(a) dengan huruf tebal tulisan huruf Arial bersaiz 12 poin untuk setiap unit paket dan bersaiz 28 poin untuk setiap unit karton; dan

(b) dalam warna kuning pada latar belakang warna *Matt Black*.

(4) Tertakluk kepada subperaturan (3), warna untuk semua huruf dalam set teks yang disebut dalam subperaturan 15(1) hendaklah dicetak dalam warna putih tulen pada latar belakang warna *Matt Black*.

(5) Warna semua huruf bagi maklumat kesihatan, larangan jualan dan butiran lain yang disebut dalam subperaturan 15A(1) hendaklah dicetak dalam suatu warna yang paling mudah kelihatan terhadap latar belakang warna paket atau karton rokok.

(6) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Amaran dan maklumat kesihatan tidaklah boleh dihalang, dsb.

15C. (1) Jika amaran kesihatan atau maklumat lain yang dikehendaki dicetak di bawah Peraturan-Peraturan ini berkemungkinan dihalang daripada penglihatan atau dikaburi oleh suatu bungkusan luaran yang mengandungi paket atau karton rokok selain pembungkus plastik lutsinar, amaran kesihatan atau maklumat lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dicetak pada bungkusan luar.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), saiz dan kedudukan amaran kesihatan atau maklumat lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dikehendaki dicetak pada bungkusan luar hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Pengarah.

(3) Jika rokok dipamerkan, atau ditawarkan untuk jualan, amaran kesihatan yang disebut dalam subperaturan 15(1) tidak boleh dihalang daripada penglihatan atau dikaburi oleh apa-apa alat atau apa-apa cara.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Peraturan baru 16A

6. Peraturan-Peraturan ini dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 16 peraturan berikut:

“Perkara yang dilarang pada bungkusan atau label hasil tembakau

16A. (1) Tiada bungkusan atau label hasil tembakau boleh mengandungi maklumat yang palsu, mengelirukan atau memperdaya atau berkemungkinan atau berniat mewujudkan suatu tanggapan yang salah atau palsu berkenaan ciri-ciri, kesan kesihatan, bahaya lain atau emisi hasil tembakau.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), larangan termasuk, tetapi tidak terhad kepada penggunaan apa-apa istilah, perkataan atau perihalan seperti “light”, “ultra light”, “mild”, “cool”, “extra”, “low tar”, “special”, “full flavour”, “premium”, “rich”, “famous”, “slim”, “gred A” atau apa-apa istilah, perkataan atau perihalan atau perkataan lain yang sama erti dengannya yang secara langsung atau tidak langsung mewujudkan tanggapan yang salah atau palsu bahawa sesuatu hasil tembakau itu adalah kurang berbahaya daripada suatu hasil tembakau yang lain.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Peraturan baru 21A

7. Peraturan-Peraturan ini dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 21 peraturan yang berikut:

“Standard emisi bagi rokok

21A. (1) Tiada seorang pun boleh mengilang, mengimport, menjual atau menawarkan untuk jualan rokok yang mengandungi nikotina atau emisi tar yang melebihi paras maksimum yang dibenarkan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), paras maksimum yang dibenarkan bagi nikotina ialah 1.5 mg bagi sebatang rokok dan paras maksimum yang dibenarkan bagi tar ialah 20 mg bagi sebatang rokok.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Jadual baru Kelima, Keenam, Ketujuh dan Kelapan

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Keempat Jadual-Jadual yang berikut:

JADUAL KELIMA

[Perenggan 15(1)(a)]

AKTA MAKANAN 1983


PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

AMARAN KESIHATAN PADA PAKET ROKOK


AMARAN KESIHATAN 1

PANEL HADAPAN	PANEL BELAKANG
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Leher JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Neck Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

AMARAN KESIHATAN 2

PANEL HADAPAN	PANEL BELAKANG
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Paru-Paru JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Lung Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND


AMARAN KESIHATAN 3

PANEL HADAPAN	PANEL BELAKANG
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Mulut JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Mouth Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

AMARAN KESIHATAN 4

PANEL HADAPAN	PANEL BELAKANG
AMARAN  Rokok Penyebab Penyakit Gangren JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Gangrene Infoline : 03-8883 4400 BRAND

AMARAN KESIHATAN 5

PANEL HADAPAN	PANEL BELAKANG
AMARAN  Rokok Penyebab Keguguran Janin JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Miscarriage Infoline : 03-8883 4400 BRAND

AMARAN KESIHATAN 6

PANEL HADAPAN	PANEL BELAKANG
AMARAN  Rokok Penyebab Kelahiran Bayi Pra-Matang JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Premature Birth Infoline : 03-8883 4400 BRAND

JADUAL KEENAM

[Perenggan 15(1)(b)]

AKTA MAKANAN 1983


PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

AMARAN KESIHATAN PADA KARTON ROKOK

AMARAN KESIHATAN 1

PANEL ATAS	PANEL BAWAH
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Leher JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Neck Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

AMARAN KESIHATAN 2

PANEL ATAS	PANEL BAWAH
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Paru-Paru JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Lung Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

AMARAN KESIHATAN 3

PANEL ATAS	PANEL BAWAH
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Mulut JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Mouth Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

AMARAN KESIHATAN 4

PANEL ATAS	PANEL BAWAH
AMARAN  Rokok Penyebab Penyakit Gangren JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Gangrene Infoline : 03-8883 4400 BRAND

AMARAN KESIHATAN 5

PANEL ATAS	PANEL BAWAH
AMARAN  Rokok Penyebab Keguguran Janin JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Miscarriage Infoline : 03-8883 4400 BRAND

AMARAN KESIHATAN 6

PANEL ATAS	PANEL BAWAH
AMARAN  Rokok Penyebab Kelahiran Bayi Pra-Matang JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Premature Birth Infoline : 03-8883 4400 BRAND

JADUAL KETUJUH

[Subperaturan 15A(1)]

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

PANEL PAKET ROKOK

PANEL KIRI ATAU KANAN	PANEL KIRI ATAU KANAN	PANEL BAWAH
— batang rokok Produk ini mengandungi lebih 4,000 bahan kimia termasuk tar, nikotina dan karbon monoksida yang membahayakan kesihatan	Nama dan alamat Pengilang : / Nama dan alamat Pengimport : Dilarang Jual Kepada Orang Bawah Umur 18 Tahun	Tarikh Dikilang: Hari/Bulan/Tahun

JADUAL KELAPAN

[Subperaturan 15A(1)]

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

PANEL KARTON ROKOK

PANEL DEPAN ATAU BELAKANG	Produk ini mengandungi lebih _____ paket rokok 4,000 bahan kimia termasuk tar, nikotina dan karbon monoksida yang membahayakan kesihatan	
PANEL DEPAN ATAU BELAKANG	Dilarang Jual Kepada Orang Bawah Umur 18 Tahun	Nama dan alamat Pengilang : / Nama dan alamat Pengimport :
PANEL KIRI ATAU KANAN	Tarikh Dikilang : Hari/Bulan/Tahun	

Dibuat 8 September 2008

[K.K.(s) 280/5/7; PN(PU2) 418/XI]

Dato' Liow Tiong Lai
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT (AMENDMENT) REGULATIONS 2008

IN exercise of the powers conferred by section 36 of the Food Act 1983 [Act 281], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Tobacco Product (Amendment) Regulations 2008**.

(2) Except for regulations 4, 5 and 8, these Regulations come into operation on 15 September 2008.

(3) Regulations 4, 5 and 8 come into operation on 1 January 2009.

Amendment of regulation 2

2. The Control of Tobacco Product Regulations 2004 [*P.U. (A) 324/2004*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2–

(a) by inserting after the definition of “higher educational institution” the following definition:

‘ “carton” means a box which is rectangular in shape that contains two or more packets of cigarette;’;

(b) by inserting after the definition of “manufacturer” the following definition:

‘ “importer” means any person who, whether as owner, consignor, consignee, agent or broker, is in possession of, or is otherwise entitled to the custody or control, of the imported tobacco products;’; and

(c) by inserting after the definition of “theatre” the following definition:

‘ “place of national service training” means any place as may be determined by the National Service Training Council by notification in the *Gazette* under subsection 17(1) of the National Service Training Act 2003 [Act 628];’.

Amendment of regulation 11

3. Subregulation 11(1) of the principal Regulations is amended-

- (a) in paragraph (n), by inserting after the words “in any” the words “area in a”;
- (b) in paragraph (r), by deleting the word “or” at the end of that paragraph;
- (c) in paragraph (s), by substituting for the full stop the words “; or”; and
- (d) by inserting after paragraph (s) the following paragraph:

“(t) in any area in a place of national service training.”.

Amendment of regulation 15

4. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 15 the following regulations:

“Health warning on cigarette packaging

15. (1) There shall be clearly and conspicuously printed in a prominent position a health warning—

(a) on each unit packet of cigarette supplied or offered to be supplied in the course of any trade or business—

(i) with any of the set texts and images as specified in the Fifth Schedule;

(ii) with forty percent coverage area to be positioned from the top on the front panel; and

(iii) with sixty percent coverage area to be positioned from the top on the back panel; and

(b) on each unit carton of cigarette supplied or offered to be supplied in the course of any trade or business—

(i) with any of the set texts and images as specified in the Sixth Schedule;

(ii) with forty percent coverage area to be positioned from the side edge of the top panel; and

(iii) with sixty percent coverage area to be positioned from the side edge of the ground panel.

(2) For the purpose of subregulation (1)–

(a) the resolution for all images on the packaging of a cigarette shall be not less than of 300 dpi (“dpi” or “dots per inch” means the degree of resolution of printing images expressed in terms of number of printed dots per linear inch); and

(b) all texts and images shall be printed using not less than 4 colour printing.

(3) Each of the health warning set out in the Fifth and Sixth Schedules shall be printed in rotation on the packaging of each brand and type of cigarette in order that each health warning shall appear as far as possible on an equal number of packaging of each brand and type of cigarette.

(4) Every manufacturer and importer of cigarette shall declare to the Director, a report on the frequency of appearance of each health warning on each brand and types of cigarette packaging manufactured or imported on a six month interval beginning from the date of commencement of these Regulations.

(5) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.”.

New regulations 15A, 15B and 15C

5. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 15 the following regulations:

“Health information, sale restriction and other particulars on cigarette packaging

15A. (1) In addition to the health warning referred to in subregulation 15(1), there shall be clearly and conspicuously printed in a prominent position on every packet and carton of cigarette health information, sale restrictions and other particulars on its panels as specified in the Seventh and Eighth Schedules.

(2) For the purpose of subregulation (1), a telegraphic address or an address at a post office shall not be used as an address of the manufacturer or the importer.

(3) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

Type, size and colour of letters

15B. (1) Subject to subregulation (3), the set texts referred to in subregulation 15(1) shall be printed in lettering of Arial of 10 points for each unit packet and 26 points for each unit carton.

(2) The health information, sale restrictions and other particulars referred to in subregulation 15A(1) shall be printed in lettering of Arial of not less than 8 points for each unit packet and of not less than 26 points for each unit carton.

(3) The words “AMARAN” and “WARNING” in the set texts referred to in subregulation 15(1) shall be printed–

(a) in bold–faced lettering of Arial of 12 points for each unit packet and 28 points for each unit carton; and

(b) in yellow on a Matt Black background.

(4) Subject to subregulation (3), the colour of all letters in the set texts referred to in subregulation 15(1) shall be printed in pure white on a Matt Black background.

(5) The colour of all letters for the health information, sale restrictions and other particulars referred to in subregulation 15A(1) shall be printed in a colour most conspicuous against the background of the cigarette packet or carton.

(6) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

Health warning and information not to be obstructed, etc.

15C. (1) Where the health warning or other information that are required to be printed under these Regulations are likely to be obstructed visually or obscured by an outer packaging containing the packet or carton of cigarette other than transparent poly-wrap, the health warning or other information, as the case may be, shall be printed on the outer packaging.

(2) For the purpose of subregulation (1), the size and placement of the health warning or other information, as the case may be, required to be printed on the outer packaging shall be subject to any condition which may be imposed by the Director.

(3) Where cigarette is displayed, or offered for sale, the health warning referred to in subregulation 15(1) shall not be obstructed visually or obscured by any device or any means.

(4) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.”.

New regulation 16A

6. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 16 the following regulation:

“Matters forbidden on tobacco product packaging or label

16A. (1) No tobacco product packaging or label shall contain any information that are false, misleading or deceptive or that is likely or intended to create an erroneous or false impression about the characteristics, health effect, other hazards or emissions of the tobacco product.

(2) For the purpose of subregulation (1), the prohibition includes, but not limited to the use of any term, word or descriptor such as “light”, “ultra light”, “mild”, “cool”, “extra”, “low tar”, “special”, “full flavour”, “premium”, “rich”, “famous”, “slim”, “grade A” or any term, word or descriptor or any other words of similar meaning that directly or indirectly create an erroneous or false impression that a particular tobacco product is less harmful than the other tobacco products.

(3) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.”.

New regulation 21A

7. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 21 the following regulation:

“Emission standard for cigarette

21A. (1) No person shall manufacture, import, sell or offer for sale cigarette with nicotine or tar emission above the maximum allowable level.

(2) For the purpose of subregulation (1), the maximum allowable level for nicotine shall be 1.5 mg per cigarette and the maximum allowable level for tar shall be 20 mg per cigarette.

(3) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding two years or to both.”.

New Schedules Fifth, Sixth, Seventh and Eight

8. The principle Regulations are amended by inserting after the Forth Schedule the following Schedules:

FIFTH SCHEDULE

[Paragraph 15(1)(a)]

FOOD ACT 1983


CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

HEALTH WARNING ON CIGARETTE PACKET

HEALTH WARNING 1

FRONT PANEL	BACK PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Leher JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Neck Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

HEALTH WARNING 2

FRONT PANEL	BACK PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Paru-Paru JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Lung Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

HEALTH WARNING 3

FRONT PANEL	BACK PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Mulut JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Mouth Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

HEALTH WARNING 4

FRONT PANEL	BACK PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Penyakit Gangren JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Gangrene Infoline : 03-8883 4400 BRAND

HEALTH WARNING 5

FRONT PANEL	BACK PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Keguguran Janin JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Miscarriage Infoline : 03-8883 4400 BRAND

HEALTH WARNING 6

FRONT PANEL	BACK PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Kelahiran Bayi Pra-Matang JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Premature Birth Infoline : 03-8883 4400 BRAND

SIXTH SCHEDULE

[Paragraph 15(1)(b)]

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

HEALTH WARNING ON CIGARETTE CARTON

HEALTH WARNING 1

TOP PANEL	GROUND PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Leher JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Neck Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

HEALTH WARNING 2

TOP PANEL	GROUND PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Paru-Paru JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Lung Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

HEALTH WARNING 3

TOP PANEL	GROUND PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Kanser Mulut JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Mouth Cancer Infoline : 03-8883 4400 BRAND

HEALTH WARNING 4

TOP PANEL	GROUND PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Penyakit Gangren JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Gangrene Infoline : 03-8883 4400 BRAND

HEALTH WARNING 5

TOP PANEL	GROUND PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Keguguran Janin JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Miscarriage Infoline : 03-8883 4400 BRAND

HEALTH WARNING 6

TOP PANEL	GROUND PANEL
AMARAN  Rokok Penyebab Kelahiran Bayi Pra-Matang JENAMA	WARNING  Cigarette Causes Premature Birth Infoline : 03-8883 4400 BRAND

SEVENTH SCHEDULE

[Subregulation 15A(1)]

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

CIGARETTE PACKET PANEL

RIGHT OR LEFT PANEL	RIGHT OR LEFT PANEL	GROUND PANEL
— batang rokok Produk ini mengandung lebih 4,000 bahan kimia termasuk tar, nikotina dan karbon monoksida yang membahayakan kesihatan	Nama dan alamat Pengilang : / Nama dan alamat Pengimport : Dilarang Jual Kepada Orang Bawah Umur 18 Tahun	Tarikh Dikilang : Date/Month/Year

EIGHTH SCHEDULE

[Subregulation 15A(1)]

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

CIGARETTE CARTON PANEL

FRONT OR BACK PANEL	Produk ini mengandungi lebih 4,000 bahan kimia termasuk tar, nikotina dan karbon monoksida yang membahayakan kesihatan		___ paket rokok
FRONT OR BACK PANEL	Dilarang Jual Kepada Orang Bawah Umur 18 Tahun		Nama dan alamat Pengilang : / Nama dan alamat Pengimport :
RIGHT OR LEFT PANEL	Tarikh Dikilang : <u>Hari/Bulan/Tahun</u>		

Made 8 September 2008

[K.K.(s) 280/5/7; PN(PU2) 418/XI]

Dato' Liow Tiong Lai
Minister of Health